

Headline	TNB, IHI rintis projek pembakaran bersama		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	33
ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,981		



## TNB, IHI rintis projek pembakaran bersama

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd melaksanakan kajian bersama dengan IHI Corporation (IHI) dari Jepun untuk merintis peringkat awal projek pembakaran bersama di dua loji janakuasanya di Lumut, Perak dan Port Dickson, Negeri Sembilan.

TNB dalam satu kenyataan semalam berkata, projek tersebut dijalankan oleh anak syarikat milik penuhnya, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) dan TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF) yang berpengalaman dalam perolehan bahan api untuk stesen janakuasa di Malaysia.

Menurut syarikat utiliti nasional itu, IHI mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam menukar pembakaran bahan api konvensional kepada neutral karbon termasuk biomas dan ammonia beberapa loji janakuasa pelanggannya di Jepun, Malaysia dan Indonesia.

TNB berkata, projek pembakaran bersama itu kini berada

di fasa Front-End Engineering Design (FEED) yang dimulakan sejak 30 Ogos, 2023, untuk mengesahkan kebolehlaksanaan teknologi tersebut termasuk penentuan spesifikasi teknikal, menentukan kadar pengimbangan pelepasan karbon, strategi perolehan bahan api dan penilaian kebolehlaksanaan teknologi yang dipilih.

"Fasa FEED dijangka selesai pada April tahun ini manakala pembakaran bersama peringkat awal dijadualkan pada suku ketiga 2026 selepas kerja pengubahsuaian stesen janakuasa itu selesai.

"Inisiatif ini selaras dengan sasaran pengurusan karbon TNB iaitu pelepasan Karbon Dioksida (CO<sub>2</sub>) 0.35 tan CO<sub>2</sub> per jam megawatt (t-CO<sub>2</sub>/MWh) menjelang 2035," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Baharin Din berkata, projek pembakaran bersama itu menandakan kemajuan dalam komitmen TNB terha-

dap kelestarian dengan peralihan daripada ujian makmal kepada pelaksanaan kajian di stesen janakuasa.

"Selepas berjaya dengan ujian pembakaran satu peratus biomas, TNB melangkah ke peringkat seterusnya dengan memperkenalkan pembakaran bersama melibatkan satu peratus ammonia dan dua peratus biomas.

"Pembakaran bersama satu peratus ammonia dan dua peratus biomas ini dijangka mampu menampung pelepasan karbon setara dengan 71,000 kereta penumpang setahun, memperlihatkan impak positif terhadap alam sek-

tar," katanya.

Malah, percubaan pembakaran bersama satu peratus biomas (pellet EFB) berjaya dilaksanakan di Stesen Janakuasa Tuanku Mukhriz (SJTM) di Port Dickson antara 10 hingga 14 September, 2023, sekaligus mengesahkan kebolehlaksanaan projek ini dengan iklim tempatan. — Bernama



DATUK Seri Baharin Din